

Sinar Harian 28/8/2018 m/s 35

50 bot pelancong diperiksa

Operasi bersepadu Polis Marin bersama Jabatan Laut Malaysia

MOHD TAHA YAACOB

KUALA BESUT

Lebih 50 buah bot pelancong termasuk bot nelayan yang beroperasi antara Kuala Besut ke Pulau Perhentian diperiksa oleh Polis Marin dalam operasi bersepadu selama dua hari bersama Jabatan Laut Malaysia di perairan Kuala Besut.

Pemangku Komander Pasukan Marin Wilayah 3, Superintendan Mohamad Pajeri Ali berkata, operasi oleh tiga pegawai dan 16 anggota Pasukan Polis Marin Wilayah

3 itu diadakan bagi memastikan pemandu dan pengusaha bot pelancong mematuhi aspek keselamatan dan peraturan maritim yang ditetapkan.

Menurutnya, menerusi operasi tersebut pihaknya menggunakan tiga buah bot iaitu dua buah bot Penyengat masing-masing sebuah daripada Markas Taktikal Kuala Terengganu dan Markas Taktikal Tok Bali, Kelantan serta sebuah bot kelas RH dari Markas Operasi Pengkalan Kubor, Kelantan.

"Tujuan operasi adalah bagi menguat kuasa undang-undang dan memastikan pengusaha bot pelancong mematuhi peraturan ditetapkan serta keselamatan para pelancong terjamin di samping memberi perkhidmatan terbaik dalam aspek keselamatan penumpang," katanya.

Mohamad Pajeri berkata,



Anggota polis marin menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah pelancong yang ditahan ketika dalam perjalanan dari Kuala Besut ke Pulau Perhentian.

tidak ada sebarang tindakan undang-undang dikenakan kepada pengusaha bot sepanjang operasi itu kerana ia lebih kepada mendidik untuk memberi kesedaran kepada pengusaha terutama memastikan keselamatan penum-

pang atau pelancong di tahap terbaik.

"Operasi tertumpu kepada pematuhan peraturan ditetapkan seperti menyediakan jaket keselamatan untuk keselamatan penumpang, memiliki insurans untuk pe-

Besut dengan Pulau Perhentian agar mereka sentiasa mematuhi undang-undang.

Menurutnya, soal keselamatan di laut tidak boleh diambil ringan oleh pemandu dan pengusaha bot kerana ia melibatkan keselamatan dan nyawa penumpang khususnya pelancong tempatan mahupun luar negara.

"Kita akan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Laut Malaysia dan menguat kuasa peraturan ini bagi memastikan perkara yang tidak diinginkan berlaku kerana ia memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan negara.

Mohamad Pajeri turut menasihatkan pengusaha bot pelancong agar memastikan pengendali bot tidak terlibat dengan pengambilan dadah atau minuman keras kerana sekiranya individu terbabit berada dalam pengaruh benda terlarang, ia boleh mengancam nyawa penumpang.

numpang bot selain memiliki lesen sebagai pengendali bot," katanya.

Beliau berkata lagi, operasi seperti akan diadakan secara berterusan terhadap bot pelancong yang berulang-alik antara Kuala